

**Lynas beri penjelasan melalui iklan akhbar
The Malaysian Insider
27 Disember, 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 27 Dis — Disebalik isu bantahan oleh segelintir penduduk Kuantan terhadap projek pemprosesan logam tanah jarang milik Lynas Malaysia Sdn Bhd, syarikat berkenaan hari ini dilihat cuba merungkai persoalan masyarakat akan kebimbangan pencemaran radiasi melalui iklan yang disiarkan dalam akhbar The Star.

Iklan satu muka surat penuh yang bertajuk " Semua orang mempunyai soalan, dan kami komited untuk terus memberikan jawapan" itu mengandungi penerangan ringkas berkenaan produk dan teknologi Lynas, dan juga langkah-langkah keselamatan yang diambil pihak syarikat bagi mengatasi masalah pencemaran radioaktif yang didakwa sesetengah pihak.

Lynas Advance Material Plant (LAMP) turut menjelaskan syarikat berkenaan menepati syarat dan peraturan tertinggi antarabangsa dalam keupayaan memproses nadir bumi berkenaan.

"Lynas mematuhi piawaian Australia, Antarabangsa, dan Malaysia — sebagaimana sepatutnya," jelas Lynas dalam iklan tersebut.

Dalam iklan tersebut, Lynas turut menjelaskan LAMP merupakan loji pemprosesan kimia yang mudah di bawah tekanan atmosfera dan memenuhi syarat penting dalam rawatan air, pembebasan dan penyimpanan bahan buangan, yang merupakan paling sukar di dunia.

"Kami membina tangki simpanan bahan buangan di bawah tanah dan dihubungkan melalui plastik berdensiti tinggi dan lapisan tanah liat.

"Peralatan kawalan telah pun dipasang bagi mengesan sekiranya terdapat sebarang kebocoran, dan sekiranya terdapat kebocoran, tumpahan berkenaan hanya akan memenuhi kawasan konkrit yang dibina khas, sebelum dipindahkan dengan selamat," jelas Lynas dalam iklan terbabit.

Menjelaskan berkenaan kandungan radiasi yang dibebaskan ke udara, Lynas menerangkan syarikat terbabit hanya menguruskan unsur yang mengandungi kadar radiasi yang sangat rendah dan diklasifikasikan sebagai selamat, bukan toksik, dan tidak merbahaya.

"Tiada risiko kesihatan sekiranya berlaku pendedahan di udara, dan untuk membuktikannya, Lynas telah memasang peralatan kawalan udara khas di tapak kilang dan juga di bandar," menurut Lynas dalam iklan berkenaan.

Tambahnya lagi, syarikat berkenaan telah dibuktikan oleh pakar bahawa mereka berusaha untuk mengitar dan mengguna semula bahan buangan supaya akan mengurangkan kadar bahan buangan daripada kilang.

Pembinaan kilang pemprosesan nadir bumi yang bernilai RM1.5 bilion ini menjadi perhatian masyarakat terutamanya penduduk Kuantan berikutan kekhawatiran mereka terhadap pencemaran radioaktif yang mungkin di bawa daripada aktiviti berkenaan akan menjejaskan penduduk dan alam sekitar kawasan berhampiran.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh daripada PKR turut lantang menyuarakan penentangan terhadap pembinaan kilang berkenaan melalui beberapa siri demonstrasi dan perhimpunan.

Untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah lain yang diaplikasikan syarikat terbabit bagi mengatasi pencemaran yang diwar-warkan sesetengah pihak, orang ramai boleh melayari lynasandmalaysia.com.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lynas-beri-penjelasan-melalui-i-klan-akhbar/>